

# JURNAL AKADEMIK

**The Art of Modelling**

YAP YIN @ YAP KEE KONG

**Employment: Focus on Housework**

WEE CHONG HUI

**Evaluating Effectiveness of Teaching**

SICK GOH NGONG

**Towards A More Meaningful Financial Statement**

WEE SHU HUI

**The Independence of the Auditors –  
Fact or Fantasy**

ALLAN CHANG AIK LENG

**Masalah Pembelajaran Pelajar-Pelajar  
Institut Teknologi Mara Cawangan Sarawak**

HAMIDAH ABDUL NINGGAL

**Prinsip-Prinsip Pembentukan Huruf Cina**

LOW KUEK LONG

**Perkembangan Imbangan Pembayaran Malaysia  
1978-1987**

ROSITA HJ. SUHAIMI

ISSN 0 128-2635



## PRINSIP-PRINSIP PEMBENTUKAN HURUF CINA

oleh

**Low Kuek Long**


### SEJARAH ASAL-USUL PEMBENTUKAN HURUF CINA

Tulisan Cina mempunyai sejarah yang panjang dan tersendiri. Pada umumnya tidak terdapat banyak bukti bertulis mengenai tulisan Cina yang dapat dirujuk untuk mengetahui sejarah dan asal-usul terbentuknya huruf Cina ini. Oleh itu terdapat banyak hipotesis mengenainya. Cerita yang menyatakan bahawa huruf Cina adalah hasil ciptaan Cāng Jí merupakan pendapat yang lebih diterima ramai.

Mengikut cerita ini, Cāng Jí (seorang Menteri Huáng Dì) mendapat inspirasi untuk membentuk huruf-huruf yang terdapat dalam tulisan Cina setelah melihat dan memerhati kesan tapak kaki burung dan binatang pada suatu masa dahulu. Beliau seterusnya melukis rupa sesuatu benda itu mengikut bentuknya. Lukisan-lukisan yang terdapat pada zaman kuno ini kemudiannya diringkaskan kepada beberapa garisan yang mudah. Dengan itu terciptalah apa yang disebut 'pictograph'.

Tulisan Cina merupakan satu sistem tulisan yang berlainan dari Tulisan Barat (Western Writing). Tulisan Cina merupakan tulisan yang dibentuk dari gambar. Ia berbeza dengan tulisan linguistik. Perbezaannya ialah kelainan gambar dan bunyi. Biasanya melihat tulisan karekter Cina, seseorang itu dapat meneka maksudnya, tetapi tidak dapat membacanya. Sebaliknya, tulisan linguistik pula dapat dibaca tetapi tidak dapat difahami maksudnya jika seseorang itu hanya melihat perkataan itu sahaja.

Tulisan Cina merupakan tulisan yang 'hidup'. Bentuk, bunyi dan maknanya selalu berubah-ubah. Oleh itu tulisan Cina yang digunakan untuk mencatat atau merekod sejarah dan kebudayaan pada zaman dahulu kala adalah agak berlainan dari segi bentuk dan cara menulisnya jika dibandingkan dengan tulisan moden. Dari segi bentuk, pada asalnya, tulisan Cina telah menjalani proses perubahan seperti berikut:—

- a. Jiǎgūwén
  - b. Jīnwén
  - c. Zhuànshū
  - d. Lìshū
  - e. Kǎishū (Scribal script 206 B.C. – 220 A.D. Han Dynasty)
  - f. Jiǎnbǐzì dan lain-lain
- 

Jiǎgūwén dan Jīnwén merupakan 'pictograph' Cina yang terawal. Jiǎgūwén adalah lambang-lambang yang diukir atas tulang-tulang haiwan atau kulit penyusut dan kura-kura. Sementara Jīnwén pula merupakan tulisan yang dipahat ke atas kepingan-kepingan logam.

Jiǎgǔwén adalah tulisan 3000 tahun dahulu yang digunakan pada zaman Yīnshāng (Yīnxu 1520 B.C. – 1030 B.C.). Jīnwén pula kebanyakannya muncul pada zaman Zhōu (1030 B.C. – 722 B.C.). Zhuànshū boleh dibahagikan kepada Dàzhuàn (great seal script) dan Xiǎozhuàn (small seal script). Dàzhuàn adalah hasil perkembangan “pictographs” Dinasti Shāng yang digunakan pada zaman Zhōu. Xiǎozhuàn pula merupakan tulisan Cina pada zaman Maharaja Qin (Chin Shih Huang), iaitu kira-kira 2100 tahun yang lalu (213 B.C.). Lìshū adalah perkembangan tulisan zhuànshū yang lebih halus. Ia merupakan tulisan moden sementara zhuànshū kekal sebagai tulisan klasik.

Kini, bentuk dan tulisan zhuànshū dan lìshū biasanya digunakan paling kerap terdapat pada cop nama. Kǎishū merupakan corak tulisan Cina yang dipopularkan pada zaman Han Dinasti (206 B.C. – A.D. 220) dan kekal sehingga kini. Manakala jiǎnbǐzì pula ialah tulisan ‘simplified’ kǎishū.


Berikut ditunjukkan bentuk-bentuk tulisan Cina yang berlainan dari segi cara menulisnya.



Di antara bentuk tulisan Cina yang telah disebutkan tadi, Jiǎgǔwén dan Jīnwén merupakan bentuk-bentuk tulisan yang paling penting untuk mengkaji asal-usul terciptanya tulisan Cina.


### STRUKTUR TULISAN CINA



Tulisan Cina adalah dihasilkan dari garisan-garisan atau ‘strokes’. Pada amnya terdapat tiga kumpulan ‘strokes’. Pertama “titik” (dots). Kedua “garisan” (lines). Ketiga “baris melengkung” (hooks). Contoh-contohnya adalah seperti yang ditunjukkan di bawah ini.



titik (dots)	:		
garisan (lines)	:		
baris melengkung (hooks)	:		

Dalam tulisan Cina, perkataan yang paling mudah mengandungi hanya satu 'stroke' atau garisan iaitu "一" (satu). Manakala perkataan yang paling kompleks mengandungi 64 'strokes'.

Iaitu 

Tetapi pada masa ini untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran, tulisan Cina telah diringkaskan. Misalnya perkataan  (kuda) yang mempunyai sembilan 'stroke' telah dikurangkan kepada  (3 'strokes').

### PRINSIP-PRINSIP PENCIPTAAN KAREKTER CINA

Pendapat umum bahawa tulisan Cina berasal dari 'Pictographs', memang tidak dapat dipertikaikan lagi. Tulisan Cina yang paling awal diketahui merupakan ukiran (inscription) yang dibuat di atas tulang dan kulit penyu atau kura-kura pada zaman Shang. Pada masa itu, tamaddun Cina telah sampai ke satu tahap yang sofistikated dan bentuk tulisan Cina juga telah jauh lebih maju dari 'pictographs' asal yang pada waktu itu dianggap lukisan yang mudah dibuat.

Dalam analisa pembentukan dan penciptaan tulisan Cina, ahli filologi Cina membahagikan tulisan Cina kepada dua kumpulan yang asas.

Iaitu

- (i) 'simple figures' – bentuk mudah (*wén*) dan
- (ii) 'compound letter' – huruf kompaun (*zì*)

Berdasarkan pada klasifikasi ini, pada asasnya terdapat enam prinsip dalam pembentukan tulisan Cina, iaitu dalam klasifikasi 'simple figure' atau bentuk mudah (*wén*) di mana terdapat

- (i) imitative drafts/pictographic principle atau draf tiruan (*xiàngxín*)
- (ii) indicative symbols atau simbol penunjuk/penanda (*zhǐshì*)

Manakala di bawah klasifikasi huruf kompaun (*zì*) pula terdapat

- (iii) Agregat logikal/Logical aggregates (*Huìyì*)
- (iv) Fonetik kompleks/Phonetic complex (*xínshēng*)
- (v) Simbol tafsiran bersama/Mutually interpretative symbols (*zhuǎnzhù*)
- (vi) Huruf fonetik pinjaman/Phonetic loan character (*jiǎjiè*)

Dari kalangan keenam-enam kumpulan ini, prinsip draf tiruan, simbol penunjuk/penanda, agregat logikal dan fonetik dalam tulisan Cina dibentuk atau dicipta berdasarkan komposisi huruf. Manakala simbol tafsiran bersama dan huruf fonetik pinjaman pula adalah berdasarkan penggunaan huruf.

### IMITATIVE DRAFT "PICTOGRAPHIC"

Pada masa melakukan penciptaan/tulisan Cina draf tiruan (imitative draft) merupakan prinsip yang paling asas. Tulisan yang paling awal adalah berdasarkan pada lukisan.

Pada zaman dahulu, lukisan bentuk sesuatu objek dibuat untuk mengingatkan kita kepada objek tersebut. Lukisan itu belum lagi merupakan tulisan. Ia cuma simbol yang digunakan untuk membantu mengekalkan ingatan kita. Lama kelamaan, garisan-garisan yang mewakili lukisan tadi telah diringkaskan. Maka terbentuklah tulisan 'pictographic'.

Tulisan 'pictographic' yang mula-mula dicipta itu kebanyakannya menggambarkan fenomena alam semulajadi. Berikut merupakan sebahagian dari 'pictograph' alam semulajadi yang mudah:-

		Bentuk Pictograph	Karakter Kini
matahari	"rì"		日
bulan	"yuè"		月
air	"shuǐ"		水
sungai	'chuan'		川
bukit	"shān"		山
hujan	"yǔ"		雨

'Pictograph' yang ditunjukkan di atas merupakan benda-benda yang telah lama wujud di muka bumi ini. Oleh itu, bentuk 'pictograph' yang dilukis juga sangat-sangat menyerupai benda yang asal. Satu contoh ialah 'pictograph' sungai di mana lukisannya merupakan air yang mengalir. Bagi huruf yang menunjukkan hujan, gambaran titisan yang diberi merupakan seakan-akan titisan hujan yang turun dari langit. Sebahagian besar 'pictograph' juga ada kaitannya dengan manusia. Huruf untuk rén (orang)

diperlihatkan dengan garisan-garisan mudah yang menunjukkan berbagai-bagai kedudukan manusia. Untuk nǚ (perempuan)

dan mǔ (ibu) jelas kelihatan bahawa lukisan yang digunakan menggambarkan rupa seorang wanita yang sedang belutut dengan penuh sopan-santun. Dua titik di badan menggambarkan dada wanita itu. Di samping itu, anggota-anggota badan kita juga dilukis dengan simbol yang mudah dan menarik, misalnya mù (mata)

ěr (telinga) dan kǒu (mulut)

Dunia binatang dan tumbuh-tumbuhan juga tidak ketinggalan dalam melahirkan bentuk tulisan Cina. Sebahagian darinya ditunjukkan seperti berikut:-

		Bentuk Pictograph	Tulisan Kini
Harimau	(hǔ)		虎
Kambing	(yáng)		羊
Pokok	(mù)		木
Rumput	(cǎo)		草
Buah-buahan	(guǒ)		果

Di samping itu juga terdapat beberapa 'pictograph' yang boleh digambarkan alat-alat yang digunakan pada sesuatu zaman kegemilangan itu. Contoh-contoh yang dapat diberikan adalah seperti *dāo* (pisau) 刀, *chē* (kereta) 車, *zhōu* (penyapu) 帚, *mǎng* (cawan) 皿, *cè* (dokumen, buku) 冊, *yu* (berus) 帚, dan *wǎng* (jaring) 网. Dari 'pictograph' alat-alat ini, kita dapat mengetahui sedikit sebanyak tentang latar belakang penggunaan barang-barang keperluan seharian masyarakat yang wujud pada satu ketika dahulu.

Prinsip berdasarkan 'pictographic' sedemikian dirasakan amat terhad penggunaannya. Ini adalah kerana sesuatu gambar atau lukisan itu hanya dapat menunjukkan konsep yang konkrit. Konsep yang lebih abstrak adalah amat sukar untuk dilukis. Bila masyarakat sudah menjadi lebih maju simbol 'indicative' telah dilahirkan untuk menggambarkan idea yang abstrak.

### SIMBOL 'INDICATIVE'

Simbol 'indicative' merupakan simbol-simbol yang membawa sesuatu makna. Simbol 'indicative' ini boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama hanya menggunakan simbol-simbol yang boleh menerangkan sesuatu makna. Misalnya simbol 'indicative' untuk "di atas" dan "di bawah".

二 上 "—" menunjukkan garis asas = 一 "1" menunjukkan kedudukan/posisi.

Oleh itu 二 上 bererti 'di atas' dan 一 下 memberi maksud 'di bawah'. Contoh-contoh berikut merupakan tulisan 'indicative' yang mudah dan terdapat pada zaman Shang yang menunjukkan 'satu, dua, tiga' dan 'atas, bawah'.

	1	2	3	'atas'	'bawah'
Shang	—	二	三	上	下
Moden	一	二	三	上	下

Simbol 'indicative' jenis kedua dibentuk berdasarkan simbol 'pictographic'. Tulisan-tulisannya dicipta dengan menambahkan sesuatu simbol kepada simbol 'pictographic'. Misalnya: "末" dan "本" yang membawa maksud akhir/hujung dan asal. Kedua-dua huruf ini diambil dari huruf asal iaitu "木" (pokok). 末 (末) akhir → 木 (木) pokok + 一 → 末 (末) Huruf 末 (末) akhir dibentuk dengan menambahkan simbol "一" di atasnya dan menjadi 末 (末) yang memberi maksud hujung cabang/pokok.

本 pula dibentuk dengan menambahkan simbol "一" dibawah 木 (木) pokok, dan menjadi 本. Ini membawa maksud akar pokok atau asal-usul. Sementara garisan melintang "一" ialah untuk 'satu'. Garisan tegak "丨" pula memberi erti 'sepuluh'. Nombor 'sepuluh' ditulis sebagai "十". Garisan tegak "丨" Kadang-kadang juga menandakan pertengahan atau tengah. Justeru itu garisan di tengah bulatan "⊕" bererti tengah dan tulisan Cina untuknya ialah 中

## AGREGAT LOGIKAL (LOGICAL AGGREGATE)

Agregat logikal bererti gabungan dua atau lebih simbol yang mudah (simple) untuk mencipta suatu huruf atau maksud yang baru. Misalnya 明 (míng) terang. 明 → 日 (matahari) + 月 (bulan). 叢 (cóng) mengikut 人 (orang) + 人 (orang) menunjukkan orang mengikut orang.

休 (berehat) 休 → 人 (orang) + 木 (pokok) → 休 (休)  
yang menunjukkan orang bersandar pada pokok. 友 (you) kawan.

又 (you) bererti tangan kanan. Huruf ini menunjukkan tangan kanan dua orang sahabat yang menghala ke arah yang sama. Ini membawa erti kawan karib yang berkerjasama.

Huruf-huruf yang dicipta berdasarkan prinsip agregat logikal ini kebanyakannya merupakan gabungan simbol-simbol 'pictographic' atau 'indicative'. Agregat logikal diwujudkan untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat pada prinsip 'pictographic' dan 'indicative'. Kaedah penciptaan huruf/tulisan melalui proses ini adalah lebih maju dan jumlah huruf/tulisan yang dicipta juga lebih luas. Namun demikian, oleh kerana masyarakat semakin maju, kaedah ini juga didapati terhad dan tidak mencukupi penggunaannya. Justru itu, untuk memenuhi keperluan selaras dengan kemajuan masyarakat, kaedah-kaedah lain harus digunakan.

## PRINSIP SEMANTIC PHONETIC

Kaedah ini menggabungkan dua atau lebih simbol yang mudah. Satu bahagian tulisannya akan menunjukkan sesuatu huruf dan bahagian yang lain pula menunjukkan sebutan untuk huruf itu, misalnya karekter 沾 zhān "氵" bererti air (maksudnya 沾 (zhān) mewakili sebutan untuk "zhān". Gabungan erti perkataan ini ialah melembabkan.

Perhatian perkataan 清 (qīng) 论 (lùn) 秧 (Yāng), simbol-simbol disebelah kiri 氵, 讠 dan 禾 merupakan simbol bentuk serta maksud. Ia menunjukkan 清 ada kaitan dengan air, 论 adalah mengenai pertuturan/percakapan. Sementara 秧 pula ada kaitan dengan anak benih. 青 (qīng) 仑 (lun) dan 央 (yāng) merupakan simbol fonetik yang mewakili sebutan perkataan masing-masing.

Keistimewaan tulisan fonetik semantik ini ialah ia menolong kita mengenalpasti sesuatu perkataan dan juga membantu kita dalam sebutan perkataan itu. Seandainya kita bertemu dengan perkataan yang baru dengan melihat kepada simbol bentuk/maksud dan simbol fonetik, lebih kurang dapat mengagak maksud serta sebutan perkataan itu.

Prinsip 'semantic phonetic'/fonetik semantik ini merupakan keadah yang amat penting. Melalui kaedah ini, perkataan-perkataan yang baru dapat dicipta dengan mudah dan tepat. Mengikut data, lebih dari 80% tulisan Cina dicipta berdasarkan prinsip ini.

### Zhuǎnzǔ (mutually interpretative symbols)

Zhuǎnzǔ berarti menggunakan simbol yang berlainan tetapi yang mempunyai erti yang sama atau hampir sama untuk saling ganti-mengganti atau tafsir-mentafsir. Dengan cara ini, maksud sesuatu perkataan dapat ditambah atau diperkayakan. Melalui cara ini, sesuatu perkataan bukan saja mempunyai maksud/erti yang asal bahkan penggunaannya dapat diperluaskan. Melalui prinsip zhuǎnzǔ ini, perkataan yang sama erti boleh dilipatgandakan.

Misalnya perkataan 首 (shǒu), erti asalnya ialah 'kepala manusia'. Oleh kerana kepala merupakan anggota badan yang utama maka perkataan ini juga digunakan untuk mengganti perkataan, pertama, 'mula' dan 'permulaan'.

Perkataan 初 (chū), maksud asal perkataan ini ialah menggantung kain. Oleh kerana menggantung kain ialah langkah pertama untuk membuat baju, ia boleh ditafsirkan sebagai 'mula/permulaan'. Oleh itu 首 (shǒu) dan 初 (chū) menjadi sepasang perkataan yang memberi erti yang sama. Oleh yang demikian, perkataan ini boleh saling ganti-mengganti dalam penggunaannya. Contohnya ialah:- 首次 (shǒu cì) pertama kali, boleh juga ditulis sebagai 初次 (chū cì).

Perkataan-perkataan yang diciptakan melalui prinsip ini tidak banyak. Perkataan-perkataan yang digunakan biasanya mengandungi kata dasar (determinative) yang sama. Misalnya

考 dan 老

### Jiǎjiè (huruf fonetik pinjaman)

Pembentuk perkataan di bawah prinsip ini ialah dengan cara meminjam perkataan-perkataan yang sedia ada. Pada peringkat awal penciptaan perkataan, tidak terdapat perkataan khusus untuk 'lái' (datang) yang merupakan satu idea yang sukar digambarkan. Pada ketika itu telah wujud tulisan 'pictographic' untuk 'tanaman bijirin' 粟 yang juga sama sebutannya dengan 'lái'. Oleh yang demikian pakar-pakar bahasa pada masa itu telah meminjam perkataan yang telah wujud iaitu 來 (lái) untuk menggambarkan bunyi perkataan 'datang'. Seperti 'pictograph' 萬 wàn (scorpion) juga, ia telah dipinjam dan digunakan dalam perkataan 'sepuluh ribu'. Dalam pada itu, terdapat satu contoh yang agak menarik, iaitu bagi perkataan 'xī (barat) yang ditulis begini 西. Maksud asal perkataan ini ialah burung dalam sangkar/berehat. Perkataan ini dipinjam dari kata dasar 'burung' berehat di sangkar pada waktu matahari terbenam iaitu di barat. Oleh itu ia dipinjam untuk memberi maksud 'barat'. Setiap perkataan yang dipinjam itu biasanya bersifat 'homophones'/sama bunyi.



### ANALISA PERKATAAN MENGIKUT PRINSIP PEMBENTUKAN

PRINSIP PEMBENTUKAN	ORACLE BONE (SHANG DYNASTY)	XU SHEN (ABAD KEDUA)	ZHENG QIAO (ABAD KEDUABELAS)	KANG XI (ABAD LAPANBELAS)
Pictographic	227 (23%)	364 (4%)	608 ( 3% )	1500 (3%)
Indicative symbol	20 (2%)	125 (1%)	167 ( 1% )	
Logical Aggregate	396 (41%)	1167 (13%)	740 ( 3% )	)
Phonetic Complex	334 (34%)	7697 (82%)	21810 (93%)	47141 (97%)
JUMLAH	977	9353	23265	48641

Data-data yang ditunjukkan di atas merupakan analisa yang berdasarkan kamus-kamus yang telah dihasilkan oleh Xu Shen (Abad ke dua), Zheng Qiao (Abad Keduabelas) dan kamus 'imperial' Dinasti Ching (Abad kelapanbelas). Dari analisa ini, jelaslah bahawa jumlah perkataan yang dibentuk berasaskan prinsip 'fonetik kompleks' ini semakin bertambah. Kadar penambahannya pesat sekali. Dari data ini juga kita dapat kesimpulan bahawa prinsip 'pictographic' dan prinsip agregat logikal tidak memainkan peranan yang begitu penting dalam pembentukan perkataan Cina. Prinsip pictographic dan prinsip logical aggregate yang memainkan peranan utama dalam pembentukan perkataan Cina di peringkat awal penulisan Cina. Lama-kelamaan, boleh dikatakan kesemua perkataan baru yang dicipta adalah berdasarkan prinsip 'phonetic complex'/fonetik kompleks.

### BIBLIOGRAPHY

- Francis John De, **The Chinese Language**,  
University of Hawaii Press, Honolulu, 1970.
- Lu, Si Mian, **Wen Zi Xue Si Zhong**,  
Shang Hai Jiao Yu Chu Ban She, 1985.
- L. Weiger S.J., **Chinese Character**,  
Paragon Book Reprint Corporation, New York, 1985.
- Zheng, Liang Shu, **Shi Xun Hua Wen**,  
Xue Shu Chu Ban She, 1977.
- Yu Wen Jiao Shi Shou Ce**, Shi Jie Shu Ju (Ma) You Xian Goungsi, 1985.